



11 Oktober 2019
11 October 2019
P.U. (B) 490

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 379/2008 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 25 September 2008, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Negara hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada 23 Oktober 2019.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Mukim : Petaling

No. Pelan : P.A. 120766

No. Lot : 40426

Luas : 13,040 meter persegi

Bertarikh 17 September 2019

[PTG/WP(S).100-2/17/2 Jld 9;PTG/WP 11/102/2013; PN(PU2)213/XCVII]

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR
PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by P.U. (B) 379/2008 published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 25 September 2008, in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the Chief Secretary to the Government shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, by P.U. (B) 108/2003 published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, gives notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floors, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 9.00 a.m. to 4.00 p.m. on 23 October 2019.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Kuala Lumpur

Mukim : Petaling

Plan No. : P.A. 120766

Lot No. : 40426

Area : 13040 square metres

Dated 17 September 2019

[PTG/WP(S).100-2/17/2 Jld 9;PTG/WP 11/102/2013; PN(PU2)213/XCVII]

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of Kuala Lumpur